

**APLIKASI SENI ILMUMINASI AL-QURAN MUSHAF MALAYSIA
TERHADAP SENI REKA GRAFIK**

Nik Narimah Binti Nik Abdullah¹, Mohd Hisham Bin Johari¹, Zahara Binti
Hj Ramli¹, Muhamad Fauzi Bin Harun¹

ABSTRAK**E-JITU**

Acceptance date:
25th Feb 2019

Valuation date:
13th Mac 2019

Publication date:
30th April 2019

Seni mushaf pada Al-Quran Malaysia sangat unggul dengan menampilkan seni iluminasi yang berlandaskan ciri-ciri Seni Islam namun ianya bukan sekadar hiasan yang indah semata-mata tetapi sebagai rekaan iluminasi yang mempunyai maknanya yang tersendiri, bercirikan adat budaya tempatan serta mengetengahkan identiti tempatan. Hiasan yang digunakan dalam Al-Quran Mushaf Malaysia sebenarnya boleh dikembangkan dalam pelbagai bentuk. Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengkaji penggunaan unsur motif dan corak yang dijadikan sebagai rujukan rekaan pada iluminasi Al-Quran Mushaf Malaysia. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan mencadangkan corak dan motif

pada iluminasi Al-Quran Mushaf Malaysia yang berpotensi untuk dimajukan di dalam pelbagai bidang seperti senibina, seni hiasan dan senireka grafik. Iluminasi Al-Quran Mushaf Malaysia bukan sahaja gah di dalam bidang penerbitan malahan ianya berpotensi besar untuk dimajukan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menjadikan pemerhatian sebagai kaedah mendapatkan informasi, pengumpulan kajian visual, eksperimen rekaan dan temubual. Motif digunakan sebagai ragam hias seni iluminasi boleh digunakan dan berpotensi untuk diaplikasikan sebagai hiasan pada senibina Islam seperti pada bangunan. Selain itu ianya berpotensi juga sebagai seni hiasan dalaman mahupun lanskap yang mana berperanan di dalam mengindahkan sesuatu tempat mahupun kawasan. Iluminasi Al-Quran Mushaf Malaysia juga boleh dikembangkan di dalam bidang senireka grafik seperti ianya boleh dizahirkan pada papan tanda tunjuk arah di kawasan awam mahupun di dalam bangunan-bangunan kerajaan. Di dalam bidang senireka grafik, corak atau motif illuminasai Al-Quran Mushaf Malaysia juga boleh diinspirasikan sebagai rekaan unik pada bidang pembungkusan produk. Kesimpulannya, penerapan seni mushaf yang dilihat berpontesi besar untuk dimajukan akan dapat membentuk satu identiti yang unik dan mencerminkan budaya Melayu Islam dan seterusnya ianya dapat memartabat seni warisan Islam dipersada Dunia.

Kata Kunci: Mushaf, Iluminasi, motif, budaya tempatan

¹ Pensyarah, Jabatan Seni Reka Grafik & Media Digital, Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Universiti Teknologi MARA, Melaka. Email: niknarimah@melaka.uitm.edu.my

PENDAHULUAN

Malaysia merupakan negara yang kedua di bumi nusantara yang berusaha menghidupkan kembali penerbitan mushaf beriluminasi penuh (Paper et al., 2016). Kajian yang dihasilkan oleh (Hakimin et al., 2018) turut menyatakan bahawa, Malaysia adalah negara pengeluar dan pencetak al-Quran yang kedua terbesar di dunia. Penerbitan manuskrip iluminasi Al-Quran merupakan satu bentuk usaha dalam membudayakan pembacaan Al-Quran. Seni manuskrip atau seni iluminasi juga dikenali sebagai seni perbukuan yang indah dan apabila digunakan terhadap Al-Quran ia digelar Seni Mushaf iaitu suatu ilmu tentang penerbitan manuskrip Al-Quran. Mushaf membawa maksud kitab atau buku dengan sebutan “mus-haf atau mashaf” dan perkataan berasal dari akar “Sahafa” yang membawa maksud untuk menulis (Paper et al., 2016).

Dalam erti kata lain mushaf merupakan himpunan lembaran-lembaran yang tertulis. Seni Mushaf merupakan suatu ilmu mengenai pembinaan manuskrip Al-Quran, sama ada sesebuah manuskrip itu beriluminasi dengan penampilan yang sangat indah atau berhias penuh ataupun tanpa iluminasi. Penerbitan Al-Quran Mushaf Malaysia adalah usaha pertama rakyat Malaysia yang disumbangkan kepada negara dalam Seni Mushaf yang telah hilang sejak 500 tahun yang lampau (Haji et al., 2016). Al-Quran Mushaf Malaysia yang mengandungi tiga puluh (30) juzuk dengan menampilkan tiga puluh (30) corak yang berbeza sebagai iluminasi telah dilancarkan pada 17 Ramadhan 1417 bersamaan 26 Januari 1997 di Balai Pameran Islam, Pusat Islam Kuala Lumpur.

Pemurnian hiasan Al-Quran melalui kesenian merupakan satu tanggungjawab yang besar di dalam pembinaan budaya, bangsa dan negara serta menjadi warisan yang tinggi kerana ia berkaitan dengan kemahiran membina Mushaf beserta seni dan gaya persembahan yang sangat indah. Iluminasi adalah hiasan atau rekahias yang berperanan sebagai bingkai atau hiasan pada sekitar ayat-ayat suci Al-Quran. Seni iluminasi Al-Quran Mushaf Malaysia yang dihasilkan adalah sangat unik kerana menggunakan kombinasi corak dan warna yang sepadan serta ragam hiasan yang bercirikan elemen tempatan. Kajian melibatkan keseluruhan negeri di tanahair telah dilakukan bagi menghasilkan corak atau ragam hias yang bermotifkan unsur-unsur flora, alam semulajadi, seni bina dan adat budaya tempatan. Menurut Abdul Latiff Mirasa Pengerusi Yayasan Restu (2013), Malaysia amat disegani dalam kalangan negara-negara Islam yang lain kerana telah berupaya menghasilkan Mushaf yang mendapat permintaan yang baik seperti di Palestin, Filipina, Yaman, Afrika, Rusia dan Kemboja.

Kehebatan Al-Quran Mushaf ini mempunyai potensi yang tinggi untuk dimajukan dan diperkembangkan supaya ianya tidak terbatas sebagai seni di dalam bidang penerbitan sahaja. Seni visual tampak di dalam Mushaf Al-Quran dapat dijadikan inspirasi kepada tercetusnya kepelbagaian di dalam bidang seni Islam yang lain. Begitulah kehebatan seni yang bercirikan tempatan digabung bersama elemen dan ajaran agama, secara tidak langsung dapat menghasilkan seni visual yang berpotensi tinggi. Rahsia kehebatan seni dalam Islam bertitik tolak daripada kreativiti mengadaptasi motif-motif alam semulajadi yang mana diubah dan diolah menjadi seni iluminasi yang boleh diguna pakai dalam pelbagai bidang seni Islam yang lain.

Percetakan Al-Quran berilluminasi telah dihasilkan oleh sebuah badan yang dikenali sebagai Yayasan Restu. Namun, bagi memantapkan perkembangan dan penerbitan Al-Quran Mushaf Malaysia, sebuah lagi pusat pengeluar dan pencetakan Al-Quran telah dibina dan dikenali sebagai Kompleks Nasyrul Quran terletak di Presint 14, Putrajaya bernilai RM60 juta. Menurut bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi (2017), pembinaan kompleks percetakan tersebut menjadikan Malaysia sebagai negara pengeluar dan pencetak al-Quran kedua terbesar di dunia selepas Arab Saudi. Kompleks tersebut berada di bawah naungan kerajaan dengan kerjasama beberapa pihak seperti Yayasan Restu, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Kementerian Dalam Negeri serta Perbadanan Putrajaya (PPj). Kompleks ini mencetak sekurang-kurangnya satu (1) juta naskhah al-Quran setahun dengan tujuh puluh peratus (70 %) daripadanya untuk kegunaan umat Islam di Malaysia sendiri, manakala selebihnya diwakafkan ke negara dengan minoriti umat Islam.

PERMASALAHAN KAJIAN

Terdapat dua (2) jenis illuminasi Mushaf yang sangat popular di Nusantara iaitu Mushaf Tab'an Ain Taqwa (Malaysia) dan Mushaf Istiqlal Jakarta (Indonesia) (Haji et al., 2016). Al-Quran mushaf ini telah dihasilkan dengan teliti dan seninya sangat indah. Selama lebih dari 160 tahun perkembangannya sehingga kini, terdapat banyak perkara menarik untuk dibincangkan dan diperkatakan mengenai manuskrip dan Mushaf Nusantara ini, sama ada dari aspek kesejarahan, teks, bahan, mahupun visualnya. Menurut (Haji et al., 2016) kewujudan kedua-dua Mushaf Indonesia dan Malaysia ini bukan sahaja berperanan sebagai media tulisan kitab suci mahupun menjadi pedoman para seniman ataupun khatat semata-mata. Keagungannya dimartabatkan sebagai bahan rujukan kepada para ilmuan, sasterawan, budayawan bahkan juga diperlukan di dalam bidang kejuruteraan kerana ianya juga dapat menjadi menjadi pengungkap bidang seni dan seni hiasannya yang sangat mendalam sama ada menerusi motif, corak, jenis, hiasan luaran mahupun hiasan dalamannya.

Selama lebih dari seratus enam puluh (160) tahun perkembangannya sehingga kini, banyak perkara yang menarik untuk dibincangkan dan diperkatakan mengenai manuskrip dan Mushaf Nusantara, sama ada dari aspek kesejarahan, teks, bahan, mahupun visualnya (Haji et al., 2016). Pelbagai aspek penting mengenai Mushaf ini boleh dikaji, namun sehingga ke hari ini masih jarang diperkatakan, sama ada mengenai sejarah penulisan, sisi corak, motif, iluminasi dan seni khatnya. Umumnya telah diketahui bahawa iluminasi di dalam Al-Quran Mushaf Malaysia telah dihasilkan berdasarkan kepada motif bunga, buah dan tumbuh-tumbuhan tempatan. Namun masih terdapat kurang kajian terhadap potensi motif iluminasi yang dihasilkan. Memetik kepada pernyataan (Tn. Haji Zainudin 1999) di dalam akhbar Utusan, penerapan seni mushaf terutama dalam bidang seni bina akan menghasilkan bangunan yang lebih bertenaga dan mencerminkan budaya Melayu Islam. Beliau juga menjelaskan bahawa seni iluminasi akan membuka satu bentuk dimensi baru dalam pertumbuhan ekonomi negara menerusi bidang keusahawanan dan kebudayaan seperti seni bina, reka bentuk ggrafik dan sebagainya. Jelas disini menunjukkan, iluminasi Al-Quran Mushaf Malaysia berpotensi untuk dimajukan kerana ia

merupakan rekaan yang mempunyai identiti tempatan. Kajian ini mengupas tentang corak dan motif pada Al-Quran Mushaf Malaysia serta potensinya untuk dibangunkan dalam bidang-bidang seperti seni bina, seni hiasan dan seni reka grafik.

OBJEKTIF KAJIAN

Seni iluminasi Al-Quran Mushaf Malaysia telah dihasilkan dengan sangat unik kerana menggunakan kombinasi corak dan warna yang sepadan. Oleh yang demikian kajian ini bertujuan untuk: -

- i) Mengkaji penggunaan unsur-unsur motif dan corak yang dijadikan rekaan pada iluminasi Al-Quran Mushaf Malaysia. Kajian ini mengupas perbezaan dari segi penghasilan seni illuminasi pada Al-Quran Mushaf Malaysia yang mana penghasilan seni iluminasi ini telah dihasilkan dengan penyelidikan yang terperinci dalam suatu jangka masa yang agak panjang. Oleh itu, motif-motif yang dihasilkan bukan sekadar rekaan semata-mata tetapi ianya mempunyai ciri-ciri yang boleh dikaji.
- ii) Mencadangkan corak dan motif illuminasi Al-Quran Mushaf Malaysia ini dibangunkan dan dimajukan di dalam pelbagai bidang. Memandangkan penghasilan reka corak dan motif illuminasi Al-Quran Mushaf Malaysia ini mempunyai makna tertentu dan telah melalui satu proses yang berperingkat-peringkat di dalam penghasilannya, maka ianya dilihat berpotensi besar untuk dikembang dan diaplikasikan di dalam pelbagai bidang yang mana melibatkan seni dan rekaan. Terdapat beberapa ciri khas telah dihasilkan sehingga nilai tulisan seni khat dan hiasan coraknya dapat merancakkan lagi perkembangan seni dan budaya Islam di negara ini.

KAJIAN LITERATUR

i. Seni Mushaf

Menurut nukilan (Abd al-Karim Zaidan, 1996: 152) sejarah pengumpulan Mushaf Al-Quran telah melalui perjalanan zaman yang sangat panjang. Sesebuah Mushaf Al-Quran merupakan *suhuf kitab* yang mula diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW dan ia ditulis di dalam bentuk Mushaf serta diriwayatkan kepada umat Islam untuk dibaca dengan hukum tajwid yang betul. Penggunaan seni dalam Mushaf Malaysia dan Indonesia bukan sahaja dijadikan sebagai hiasan semata-mata malah ianya juga digunakan sebagai simpanan berupa aplikasi ke pelbagai manuskrip, logam, matawang, artifak dan lain-lain. Di Nusantara khususnya dan Dunia Islam umumnya, selain menjadi khazanah yang dimulihkan oleh umat Islam di dunia dan akhirat (Haji et al., 2016).

ii. Corak Bermotifkan Tempatan

Mushaf Malaysia ini juga merupakan karya agung dalam melestarikan khazanah Islam di Alam Melayu. Naskah Mushaf Al-Quran bertulisan tangan adalah

penghasilan orang-orang Melayu tempatan, setiap muka suratnya diserikan dengan corak iluminasi serta motif sesuai dengan budaya masyarakat dan alam persekitarannya. Kini mushaf Malaysia sudah berada dalam genggaman kaum Muslimin di Malaysia khususnya dan di Nusantara serta dunia Islam umumnya. Mushaf ini, asalnya berukuran 123 sm x 88 sm dan setiap lembarannya mengandungi ayat-ayat Al-Quran yang tulisan tangan dengan seni hiasan Islam bercirikan seni tampak Melayu, serta penggunaan tulisan daripada emas tulen dua puluh (24) karat. Motif bercirikan seni tampak Melayu bukan sahaja dijadikan sumber inspirasi kepada penghasilan illuminasi Mushaf sahaja bahkan ianya turut menjadi garapan idea di dalam seni ukiran pertukangan Melayu (Abbas, Shaffee, & Said, 2013).

Selain itu, motif beridentitikan tempatan turut menjadi cetusan idea di dalam seni tekstil khususnya dalam penghasilan tekstil berunsurkan traditional. Menurut (Hussin, 2000) hasil kajian daripada bahan artifak mendapati tumbuh-tumbuhan merupakan sumber inspirasi motif tekstil di Kelantan dan tumbuh-tumbuhan dipilih kerana keunikan bentuk, sumber yang senang diperolehi. Warna-warni tumbuh-tumbuhan dan buah-buahan adalah sebagai cabang seni berbagai rupa dan rasa (Makmur & Yusof, 2016).

Firman Allah SWT dalam surah Al-An`am 6: 99

Maksudnya: “Dan Dialah yang menurunkan air hujan dari langit, lalu Kami tumbuhkan dengan air itu segala macam tumbuh-tumbuhan, maka Kami keluarkan dari tumbuh-tumbuhan itu tanaman yang menghijau, Kami keluarkan dari tanaman yang menghijau itu butir yang banyak; dan dari mayang korma mengurai tangkai-tangkai yang menjulai, dan kebun-kebun anggur, dan (Kami keluarkan pula) zaitun dan delima yang serupa dan yang tidak serupa. Perhatikanlah buahnya di waktu pokoknya berbuah, dan (perhatikan pulalah) kematangannya. Sesungguhnya pada yang demikian itu ada tanda-tanda (kekuasaan Allah) bagi orang-orang yang beriman.”

iii. Potensi Seni Islam

Rupa Seni Kaligrafi Islam yang cantik dan menarik, memiliki hiasan corak dan hiasan motif serta iluminasi beragam sangat membantu ketertarikan yang didakwahi untuk membaca bahan dakwah yang sedang diajarkan (Haji et al., 2016). Menurut Nik Ahmed Mazlan, Ketua Pegawai Eksekutif I-NAI Venture Holdings berkata di dalam sebuah artikel, seni ornamen penting dalam budaya Islam kerana ia memberikan ‘wajah’ kepada umat Islam itu sendiri. Lebih-lebih lagi setelah kita sekian lama terkeliru dalam pencarian identiti akibat pengaruh pelbagai budaya asing sehingga kita tidak pasti asal usul sesuatu budaya yang diamalkan. Kesenian dan seni bina bangunan selalu menjadi bukti ketamadunan, peradaban dan pencapaian sesuatu bangsa. Islam juga tidak melarang umatnya menghias kediaman dan bangunan dengan gubahan bunga warna warni, ukiran-ukiran dan lain-lain hiasan yang diharuskan oleh Islam asalkan tidak berlebihan.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berdasarkan kaedah pemerhatian dan temubual sebagai usaha untuk mendapatkan data. Di peringkat permulaan kajian, pemungutan data daripada sumber atau bahan teks telah dikumpul dan dianalisa dari segi maklumat yang berkaitan dengan Al-Quran Mushaf terutama di bumi Nusantara. Kemudian kajian daripada bahan teks diperluaskan dan diperhalusi dengan memfokus terhadap penghasilan Al-Quran Mushaf Malaysia. Bahan teks bukan sahaja terdiri daripada rangkaian variasi bahan penerbitan malahan terdapat beberapa petikan artikel yang turut membantu di dalam melengkapkan kajian ini.

Bagi melengkapkan kajian, terdapat tiga (3) fasa yang telah digunapakai iaitu kaedah pemerhatian, eksperimentasi rekaan dan juga temubual. Kaedah pemerhatian secara langsung turut digunapakai untuk menganalisa persamaan dan perbezaan Al-Quran Mushaf yang sedia ada terutama di bumi Nusantara. Ini kerana terdapat banyak naskah Al-Quran Mushaf yang telah diterbit di beberapa buah negara. Kaedah eksperimentasi rekaan juga digunapakai bagi mencadangkan potensi seni illuminasi Al-Quran Mushaf dalam pelbagai bidang. Eksperimentasi rekaan ini bertujuan untuk menunjukkan seni illuminasi ini boleh dikembangkan dan dimajukan kerana keunikan motif dan corak yang telah dihasilkan.

Sumber temubual juga telah dijalankan bersama Pengarah Projek Khas Al-Quran Mushaf Islam iaitu Tn. Haji Zainuddin Abd Rahman. Isteri beliau Pn. Hajah Noraini Muhd Zain juga terlibat sama di dalam projek penerbitan Al-Quran Mushaf Malaysia. Temubual ini telah dijalankan di syarikat beliau yang terletak di Bukit Rahman Putra, Sungai Buluh Selangor. Sesi temubual bertujuan untuk mendapatkan informasi tentang unsur motif dan proses penghasilan seni iluminasi Al-Quran Mushaf Malaysia dari peringkat awal sehingga selesai. Selain daripada itu, temubual juga turut melibatkan beberapa orang pereka grafik beragama Islam yang mana mereka terlibat dengan hasil kerja kreatif terutama di dalam bidang rekaan grafik dan media digital.

DAPATAN KAJIAN

Mushaf al-Quran Malaysia

Mushaf Al-Quran Malaysia, memiliki pelbagai jenis jika dibandingkan dengan kepelbagaian Mushaf yang lain. Ianya sebagai usaha memperkaya serta mempermudah orang-orang Islam dalam membuat pilihan. Kepelbagaian pilihan dan cetakan tersebut adalah:

Pertama, Mushaf Al-Quran Malaysia Taba'ah Ma'ārij al-Jamal (Cetakan awam): Mushaf ini telah menggunakan percetakan yang berkualiti dengan memiliki corak dan motif budaya Melayu. Penggunaan hiasan corak yang sangat indah, di mana satu motif berbeza. Sebanyak setiap dua puluh (20) muka suratnya direka dengan hiasan yang berbeza yang mana akhirnya melengkapkannya dengan kepelbagaian hiasan serta corak. Sejumlah rekaan corak dan motifnya yang berwarna warni telah menghiasi setiap lembaran Mushaf sehingga ke muka surat terakhir. Proses mewarnainya mengambil masa selama lima (5) tahun sehingga sempurna.

Sementara pembiayaannya mencecah kepada angka RM Enam (6) juta sehingga mushaf ini boleh digunakan.

Kedua, Mushaf Al-Quran Malaysia Taba'ah Ain al-Taqwa (Cetakan koleksi): Mushaf ini melalui proses pencetakan berkualiti tinggi, memiliki lebih daripada satu ribu (1000) motif seni visual Melayu yang mewakili setiap negeri seluruh Malaysia. Penggunaan hiasan menarik, di mana satu motif berbeza direka untuk dijadikan sebagai hiasan bagi setiap dua (2) juz. Sejumlah tiga ratus duapuluh lapan (328) rekaan lainnya telah diguna dan setiap dua (2) muka surat mempunyai rekaan lain berwarna-warni.

Berikut merupakan hasil dapatan kajian berkaitan unsur motif dan reka corak penghasilan seni iluminasi pada Al-Quran Mushaf Malaysia:

i) Unsur Motif Seni Iluminasi Al-Quran Mushaf Malaysia

Al-Quran Mushaf Malaysia mengandungi tiga puluh (30) juzuk beriluminasi penuh dengan mengaplikasikan motif dan juga reka bentuk seni tampak Melayu. Ianya mempunyai ciri-ciri kebudayaan Islam seluruh negeri di Malaysia. Penghasilan rekaan motif telah dimulakan dengan membuat penyelidikan dan kajian terhadap unsur flora, alam semula jadi, seni bina dan juga adat budaya tempatan. Projek penerbitan Al-Quran Mushaf Malaysia telah mengambil masa selama dua hingga tiga (2-3) tahun dan penyelidikan telah dilaksanakan oleh Black & Brown Publication. Keseluruhan projek ini dinaungi oleh Yayasan Restu iaitu sebuah organisasi yang memartabatkan tulisan jawi sekali gus menjaga khazanah bangsa Melayu serta agama Islam.

Penyelidikan telah dijalankan dengan menjelajah beberapa buah kampung, masjid-masjid lama yang berusia beratus tahun, rumah-rumah lama, istana-istana dan banyak lagi premis di seluruh negeri di Malaysia. Penyelidikan tertumpu kepada seni khat dan seni hiasan *zukhruf* yang berasaskan reka bentuk seni tampak, flora, alam semulajadi dan seni bina tempatan. Di sepanjang proses penyelidikan, data telah direkod dan visual telah dirakam bagi mendapatkan idea bagi tujuan penghasilan motif. Beberapa orang pereka telah terlibat dari proses melakar dan melukis motif yang mana mereka adalah anak melayu serta beragama Islam. Semua kerja-kerja penerbitan mahupun rekaan seni iluminasi ini adalah hasil anak melayu tempatan yang beragama Islam bagi memelihara kesucian kitab Allah SWT.

Motif pada Iluminasi Al-Quran Mushaf Malaysia berunsurkan flora dan alam semulajadi tempatan. Bunga-bunga, buah-buahan dan tumbuh-tumbuhan adalah unsur yang digunapakai bagi penghasilan motif manakala pemilihan warna pada motif pula adalah bercirikan adat serta budaya tempatan. Motif flora seperti bunga cempaka, bunga kemboja mahupun bunga raya melambangkan identiti sebenar rakyat Malaysia dan ia berkisar dengan corak hidup masyarakat tempatan. Unsur-unsur yang dijadikan sebagai motif tidak boleh direka sembarangan kerana ianya menjadi ragam hias di dalam kitab suci



Rajah 1.1: Motif dan Reka Bentuk Mengikut Negeri Berdasarkan Dari Juz 1-30 Dalam Al-Quran Mushaf Malaysia

Penggabungan beberapa unsur seperti unsur flora, alam semulajadi dan seni bina tempatan dengan aplikasi proses modifikasi telah digunakan untuk rekaan iluminasi dalam Al-Quran Mushaf Malaysia. Pereka iluminasi menggunakan daya kreativiti yang tinggi untuk menyesuaikan penggabungan unsur-unsur motif tersebut kerana setiap motif yang dihasilkan perlu menggambarkan identiti tempatan berdasarkan negeri. Pemilihan warna pula diilhamkan dari adat dan budaya masyarakat tempatan di setiap negeri misalnya motif yang direka bagi negeri Selangor menggunakan gabungan warna-warna yang terang dan menyerlah kerana masyarakatnya terdiri dari pelbagai bangsa serta mempunyai adat budaya yang pelbagai.



Rajah 1.2: Motif dan Reka Bentuk Bercirikan Negeri Selangor Dalam Al-Quran Mushaf Malaysia

Beberapa lakaran secara kasar telah dihasilkan di atas kertas untuk dibincangkan bagi mendapatkan idea dan konsep yang sesuai untuk motif. Rekaan atau motif yang dihasilkan perlu mendapat kelulusan dari Tn. Hj. Zainuddin Abd. Rahman. Lakaran motif di peringkat awal perlu dilukis secara manual dengan konsisten di atas kertas yang berasid supaya ia tidak mudah rosak dan tahan lama. Setiap lakaran mempunyai ukuran tertentu bagi memastikan susunan corak secara terancang dapat dihasilkan. Unsur motif tersebut juga telah digabungkan dengan ciri geometrik yang menjadi elemen paling dominan dalam setiap hiasan dan reka bentuk Islam. Susunan motif yang bercorak terancang telah diaplikasikan dengan penggunaan garisan grid dalam penghasilan corak. Jenis susunan yang digunakan ialah susunan ulang sekata yang mana motif diulang secara berurutan dalam baris dan lajur yang sama bagi menghasilkan corak yang indah.

Kini terdapat beberapa edisi cetak Al-Quran Mushaf Malaysia yang dilampirkan bersama terjemahan. Edisi Al-Quran Mushaf Malaysia yang terkini masih mengekalkan ciri-ciri rekaan motif yang berunsurkan alam semula jadi dan budaya tempatan namun penyampaian ataupun olahan motif tersebut mempunyai perbezaan kreativiti. Terdapat ragam hias daripada seni pembinaan dan seni tekstil diinspirasi sebagai rekaan motif seni illuminasi Al-Quran Mushaf di Malaysia. Edisi terkini seperti ragam hias Masjid Tanjung Keling di Melaka, Masjid Sultan Abu Bakar di Johor Bahru dan pakaian wanita Sarawak. Secara keseluruhan, motif yang dijadikan illuminasi Al-Quran Mushaf Malaysia edisi terkini lebih bermotifkan flora namun gaya olahan ideanya berbeza dari segi bentuk dan warna pada motif. Saiz Al-Quran Mushaf Malaysia yang terkini juga terdapat di dalam saiz yang sedikit kecil (A5) berbanding dengan saiz yang terdahulu.



Rajah 1.3: Motif dan Reka Bentuk yang terdapat di dalam Al-Quran Mushaf Malaysia edisi terkini



Rajah 1.4: Motif dan Reka Bentuk Mengikut Negeri Dari Juz 1-30 di dalam Al-Quran Mushaf Malaysia edisi terkini

i) Potensi motif seni illuminasi Al-Quran Mushaf Malaysia


Motif atau ragam hias seni iluminasi dicadangkan untuk dimajukan dan dikembangkan di dalam pelbagai cabang seni seperti senibina, seni hiasan mahupun seni reka grafik.



Carta 1.1: Cabang potensi aplikasi seni illuminasi mushaf

a. Potensi Iluminasi Mushaf berdasarkan prinsip *CRYSTALLOGRAPHIC PATTERNS*

CRYSTALLOGRAPHIC PATTERNS merupakan teknik yang diguna pakai dalam menghasilkan rekaan susunan corak berulang. Teknik ini telah lama digunakan di negara-negara pelopor seni Islam seperti Kazakhtan, Siberia, Asia Tengah dan juga segelintir negara di Asia Tenggara (Mamedov, 1986). Ianya biasa digunapakai bersama corak geometrik dan seni kaligrafi Islam.




Rajah 1.5: Hiasan geometrik daripada Mesir



Rajah 1.6: Akrapet Kilim Shirwan, Kurun ke-19




Rajah 1.7: Tulisan khat kufi 'ALLAH' sebagai elemen hiasan di kawasan kubur di Barda, Azerbaijan (1322)




Rajah 1.8: Tulisan khat kufi ‘La ila ha illallah’ sebagai hiasan. Karabaglar, Azerbaijan, Kurun ke-18


Berdasarkan kepada teknik dan hasil visual teknik *CRYSTALLOGRAPHIC*, dengan mengambil kira motif elemen tempatan sebagai skop utama kajian, berikut adalah hasil dapatan awal yang diperolehi.



Rajah 1.9: Seni ragam hias Bunga Labu, Negeri Kelantan



Rajah 1.10: Kombinasi hias Bunga Labu, Negeri Kelantan




Rajah 1.11: Kombinasi hias Bunga Labu, Negeri Kelantan. Kajian reka motif dan warna.



Rajah 1.12: Aplikasi iluminasi pada penunjuk jalan.



Rajah 1.13: Seni ragam hias Melaka, Masjid tanjung Keling



Rajah 1.14: Kombinasi reka hias Melaka, Masjid Tanjung Keling



Rajah 1.15: Kajian reka motif dan warna



Rajah 1.16: Aplikasi iluminasi pada petunjuk jalan

KESIMPULAN/CONCLUSION

Kajian ini telah merungkai potensi unsur motif seni iluminasi Al-Quran Mushaf Malaysia. Seni illuminasi Mushaf pada Al-Quran ini sangat unggul dengan menampilkan reka corak motif yang berlandaskan agama Islam. Motif-motif yang aplikasikan sebagai seni illuminasi Al-Quran Mushaf Malaysia telah diilhamkan daripada unsur-unsur flora, alam semulajadi, seni bina dan adat budaya tempatan yang mana ianya bagi menggambarkan identiti negeri-negeri di Malaysia. Penghasilan rekaan motif seni illuminasi Al-Quran Mushaf Malaysia turut mengambil kira fungsi warna, ruang dan psikologi menurut tuntutan agama Islam. Seni illuminasi pada Al-Quran Mushaf Malaysia dilihat berpotensi dan

boleh di ketengah serta dikembangkan di dalam pelbagai bidang seperti senibina, seni hiasan dan seni reka grafik. Penggunaan seni iluminasi Al-Quran Mushaf Malaysia ini secara tidak langsung mampu mengangkat seni Islam masyarakat tempatan.

RUJUKAN

- Abbas, M. Y., Shaffee, N., & Said, I. (2013). Types of Floral Motifs and Patterns of Malay Woodcarving in Kelantan and Terengganu. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 105, 466–475. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2013.11.049>
- Haji, M., Universiti, H., Sultan, P., Hassan, A., Universiti, A., Sultan, P., & View, N. (2016). SEJARAH PENULISAN MUSHAF AL-QURAN NUSANTARA: Satu Kajian Perbandingan Antara Mushaf Istiqlal Indonesia ..., (May).
- Hakimin, W., Mohd, W., Ahmad, M. H. A., Amin, Z., Ahmad, S., Lutfi, M., & Hadi, A. (2018). KEPELBAGAIAN MUSHAF AL-QURAN MASAKINI DI MALAYSIA, (August), 1–20.
- Hussin, H. binti. (2000). Pengaruh Alam Semulajadi Tempatan dalam Reka Motif Tekstil Melayu Kelantan.
- Makmur, & Yusof, A. (2016). Kata kunci :, 7, 1953–1980.
- Mamedov, K. S. (1986). Crystallographic patterns. *Computers and Mathematics with Applications*, 12(3–4 PART 2), 511–529. [https://doi.org/10.1016/0898-1221\(86\)90408-6](https://doi.org/10.1016/0898-1221(86)90408-6)
- Paper, C., Haji, M., Universiti, H., Sultan, P., Hassan, A., Universiti, A., ... View, N. (2016). SEJARAH PENULISAN MUSHAF AL-QURAN NUSANTARA: Satu Kajian Perbandingan Antara Mushaf Istiqlal Indonesia ..., (May).